KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	15.03.22	MUKA SURAT	:	35
JABATAN	:	JPSM			

HLB komited pulihara hutan bakau

PETALING JAYA: Hong Leong Bank (HLB) bekerjasama dengan Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) untuk memulakan projek pemulihan dan pemuliharaan ekosistem paya hutan bakau sebagai sebahagian daripada perjalanan pengurusan kelestarian dan alam sekitarnya.

Bersama MNS, HLB akan membantu dalam pemulihan 15 hektar kawasan tanah hutan terdegradasi dengan menanam kira-kira 50,000 pokok bakau baharu di Taman Alam Semula Jadi Kuala Selangor dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Ia sebagai sebahagian daripada komitmen bank untuk membantu mengurangkan perubahan iklim dan mengimbangi kesan alam sekitar operasinya.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif HLB, Domenic Fuda berkata, kemampanan, perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar telah menjadi kebimbangan utama sepanjang dekad lalu.



KAKITANGAN HLB dan MNS bekerjasama dalam projek pemulihan dan pemuliharaan ekosistem paya bakau.

Jelasnya, untuk mengurangkan kesan terhadap alam sekitar, kehidupan orang ramai dan mata pencarian serta membina daya tahan komuniti yang lebih besar, tindakan dan penyesuaian amat diperlukan.

"Sebagai sebuah institusi kewangan, kami menyedari keperluan untuk menerapkan pertimbangan agenda alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) ke dalam aktiviti perbankan serta operasi kami sendiri, supaya dapat membantu mengarah sumber yang akan membina daya tahan alam sekitar dan ekonomi.," katanya dalam kenyataan.